Kata Penguat

1. **Kata penguat ialah perkataan yang terletak sebelum atau selepas kata adjektif bagi menguatkan maksud kata adjektif itu.**

2. **Terdapat tiga jenis kata penguat iaitu kata penguat hadapan, kata penguat belakang dan kata penguat bebas.**

3. **Kata penguat hadapan terletak di hadapan kata adjektif,**
   kata penguat belakang terletak di belakang kata adjektif,
   kata penguat bebas pula ialah kata penguat yang boleh diletakkan di hadapan atau di belakang kata adjektif.

4. **Contoh kata penguat ialah**

   ***paling, terlalu, begitu, cukup, agak* (hadapan),**

   ***sekali, benar, nian* (belakang),**

   ***sangat, amat, sungguh* (bebas).**

5. **Walau bagaimanapun, kata penguat *sangat*, *amat*, *begitu* dan *sungguh* boleh digunakan serentak dengan kata penguat *sekali*.**

Praktis

Pilih ***kata penguat*** yang sesuai dalam ayat-ayat di bawah ini.

1. Perniagaan kedai serbaneka Encik Wong maju _____.

2. Kain songket di kedai itu sungguh halus _____ tenunannya.

3. Dahlia murid yang _____ di dalam kelas itu.

4. Antara adik-beradiknya, Faridahlah yang paling _____.

5. P. Ramlee seorang seniman agung yang _____ masyhur.

6. Suara penyanyi itu _____ serak memang sesuai dengan lagu yang dinyanyikannya.

LIVEWORKSHEETS